

Masih tidak tahu status tanah

Wartawan Sinar Harian

1 Ogos 2017

Sumber : <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/masih-tidak-tahu-status-tanah-1.711634>



Asmah menerima kunjungan Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) di rumahnya.

TRIANG - Harapan untuk memiliki rumah PPRT mungkin hanya tinggal harapan apabila permohonan yang dibuat seorang ibu tunggal, Asmah Hussin, 54, sejak tujuh tahun lalu masih tiada khabar berita.

Menurutnya, meskipun dia memohon untuk membina rumah itu di atas tanah miliknya sendiri, namun alasan status tanah menjadi penghalang.

"Saya tak faham juga dengan hal-hal berkaitan tanah ni. Setahu saya, kalau mohon untuk bina rumah atas tanah sendiri tiada masalah sepatutnya.

"Tapi, kes saya ni, lama dah mohon tapi sampai sekarang tak tahu apa ceritanya. Dulu ada yang beritahu, permohonan saya dah lulus," katanya.

Asmah yang tinggal bersama dua anaknya di rumahnya ini, sering mengalami lelah dan tidak boleh bekerja selain mengharapkan bantuan dari anak-anak.

Difahamkan, dua lagi anaknya sudah berkahwin dan mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Menurut Asmah, rumah yang didiami ini juga telah beberapa kali dibaik pulih menerusi bantuan zakat dan Pejabat Parlimen Bera.

“Bahagian depan ni, saya terima bantuan zakat, bahagian belakang pula, peruntukan Pejabat Parlimen Bera. Baiki mana-mana yang teruk dulu.

“Kalau ikutkan, lantai dan dinding ada yang dah reput. Tapi, nak buat macam mana, sebab tu saya nak sangat bina rumah PPRT,” katanya.